

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2016

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah orang yang ditangkap dan diambil tindakan atas kesalahan pengubahan wang haram di bawah akta perkhidmatan kewangan dan berapakah nilai wang yang dirampas sejak tahun tahun 2000-2015 dengan merujuk kepada *Global Financial Integrity (GFI)* yang menyatakan Malaysia kehilangan USD 418.542 bilion (RM 1.8 trilion) kerana aliran keluar wang haram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa penyiasatan kes-kes di bawah Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

(AMLA) melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa, antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Terdapat sebanyak 362 kesalahan berat yang disenaraikan dalam 44 akta yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti di atas.

BNM merupakan salah sebuah agensi penguatkuasa di bawah AMLA mentadbir undang-undang ini menerusi antara lain Akta Perkhidmatan Kewangan (APK) 2013. Kesalahan pengambilan deposit secara haram di bawah Akta APK 2013 tersebut dikenalpasti sebagai kesalahan berat di bawah AMLA. Sehingga 2015, terdapat sebanyak dua kes telah disiasat dengan jumlah kerugian dianggarkan berjumlah sekitar RM7 juta bagi kedua-dua kes berkenaan.